

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

BH 29/1/2025 (RABU) M/S 3 NASIONAL

Tiga Jawatankuasa Kabinet bawah KKM digabungkan

Inisiatif tangani pelbagai isu berbangkit dalam sektor kesihatan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Tiga Jawatankuasa Kabinet di bawah Kementerian Kesihatan (KKM) digabungkan menjadi Jawatankuasa Kabinet Kesihatan Nasional sebagai inisiatif menangani pelbagai isu berbangkit dalam sektor itu.

Ia membabitkan Jawatankuasa Kabinet Menangani Denggi, Jawatankuasa Kabinet Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dan Jawatankuasa Khas Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan Kanak-Kanak.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata perkara itu diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet menangani Denggi Bilangan 1/2025 yang dipengeruskannya di sini, semalam.

"Jawatankuasa ini dikenali sebagai Jawatankuasa Kabinet Kesihatan Nasional yang (mesyuaratnya) akan diadakan tiga kali setahun," katanya dalam kenyataan.

Mengenai perkembangan kes demam denggi, Ahmad Zahid



Ahmad Zahid mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet menangani Denggi Bilangan 1/2025 di Putrajaya, semalam.

(Foto FB Ahmad Zahid Hamidi)

berkata, KKM merekodkan 122,423 kes dan 117 kematian pada tahun lalu, iaitu penurunan sebanyak 0.6 peratus dan peningkatan kematian sebanyak 17 peratus berbanding 2023.

Melebihi 3,000 kes seminggu

Katanya, bilangan kes dilaporkan pada awal 2024 adalah melebihi 3,000 kes seminggu.

"Namun, ada perkembangan positif apabila berlaku trend penurunan kes bermula pada Minggu Epidemiologi ke-29 (20 Julai 2024).

"Kini, purata kes mingguan menurun dengan ketara kepada sekitar 1,200 hingga 1,500 kes sahaja setiap minggu dan berada di bawah paras median lima tahun," katanya.

Katanya, setakat Minggu Epi-

demologi keempat (25 Januari 2025), secara kumulatif sebanyak 5,537 kes demam denggi dan tiga kematian direkodkan berbanding 14,458 kes dan sembilan kematian pada tempoh sama 2024, iaitu penurunan kes denggi sebanyak 61.7 peratus dan kematian sebanyak 66.7 peratus.

"Penurunan ini adalah hasil usaha bersepadu pelbagai pihak, termasuk kementerian, jabatan, agensi, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta masyarakat yang berganding bahu memastikan persekitaran sentiasa bebas daripada pembiakan nyamuk Aedes," katanya.

Beliau berkata, bagi memperkukuh pelaksanaan langkah pencegahan dan kawalan denggi melalui pendekatan *Whole of Nation* (menyeluruh), beberapa keputu-

san sudah diputuskan antaranya, semua kementerian, jabatan, agensi perlu memperkukuh inisiatif sedia ada dalam aktiviti pencegahan dan kawalan denggi.

"Kerjasama antara Bahagian Kawalan Penyakit (BKP), KKM dan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) diteruskan dengan menambah baik sistem sedia ada berdasarkan keperluan semasa dan memanfaatkan teknologi terkini untuk memastikan pengurusan denggi yang lebih efektif.

"Meneruskan pengoperasian pelepasan nyamuk Aedes *Ber-Wolbachia* dengan penambahan 10 lokaliti baharu setiap tahun serta memperluaskan di negeri lain," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

BH 29/1/2025 (RABU) M/S 5 NASIONAL
Kes kematian pakar patologi di Hospital Lahad Datu

Suami mendiang Dr Tien Yaa minta penjelasan laporan

**Keluarga belum
lihat hasil
siasatan, harap
kementerian
keluarkan
untuk diteliti**

Oleh Ercy Gracella Ajos
ercy.gracella@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suami mendiang pakar patologi, Dr Tay Tien Yaa mahu penjelasan dan penelitian lanjut daripada pihak jawatankuasa khas bebas berhubung dapatan siasatan punca kematian isterinya.

Mengulas mengenai pemakluman pengerusi jawatankuasa khas bebas yang ditubuhkan bagi menyiasat kes kematian pakar patologi di Hospital Lahad Datu itu, baru-baru ini, Low Teck Kha-

ang, berkata keputusan siasatan hanya sekadar memberitahu kesimpulan yang ditemui dan tiada perbincangan dibuat bersama ahli keluarga.

“Kami tidak diberikan banyak masa untuk itu (berbincang).

“Kami juga belum melihat laporan terbabit dan berharap kementerian akan mengeluarkannya supaya kami boleh meneliti dengan lebih terperinci.

“Apa yang diterangkan kepada kami tidak menjawab keraguan kami dengan wajar dan apa yang diberitahu oleh isteri saya adalah berbeza dengan penemuan yang ada,” katanya kepada *BH*.

Pada 22 Januari lalu, *BH* melaporkan kematian Dr Tien Yaa pada Ogos tahun lalu, bukan disebabkan menjadi mangsa buli atau dizalimi.

Perkara itu dimaklumkan oleh

pengerusi jawatankuasa khas bebas yang ditubuhkan bagi menyiasat kes terbabit, Tan Sri Borhan Dollah.

Siasatan tak mencukupi

Borhan dilaporkan berkata, dapatan daripada siasatan yang dilaksanakan pasukannya tidak menemui bahawa mangsa dipaksa melaksanakan tugas di luar skop pekerjaannya.

Mengulas lanjut, Teck Khaang berkata, tumpuan jawatankuasa khas bebas lebih kepada apa yang ada dalam dokumen rasmi dan mengabaikan bukti-bukti lain.

“Siasatan dilakukan mungkin tidak cukup mendalam. Kami juga tidak tahu ada sidang media yang bertujuan untuk menutup kes selepas taklimat,” katanya.



Dr Tay Tien Yaa

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : VIEW

THE STAR 29/1/2025 (RABU) M/18 VIEW

BMI is not the only measure of health

IT is laudable that Inspector-General of Police (IGP) Tan Sri Razarudin Husain wants his officers to maintain a body mass index (BMI) of 28 as a requirement to qualify for promotions. His intention is for them to look prim and proper in body and mind in the execution of their duties.

BMI is a calculation that estimates body fat in relation to a person's height and weight. It provides a reasonable estimate of body fat for most people, but it has its limitations. For instance, BMI may underscore body fat for older adults or people with low muscle mass or overestimate body fat for those who are especially muscular.

Furthermore, it may underestimate the risks for people of Asian descent in part because it doesn't factor in the problems associated with excess abdominal fat, which is slightly greater among South-East Asians.

I personally believe it's incumbent to look at waist size (measured slightly above the hip bones in adults) in addition to BMI.

Health risks increase as waist size increases irrespective of the BMI. Excess fat carried around the waist can increase one's risk of high blood pressure, heart disease, type-2 diabetes and even cancer.

The extra weight around the waist can also be a sign of harmful abdominal fat stored around the organs. Called visceral fat, it can increase people's risk of getting non-communicable diseases.

A larger waist is also directly linked to higher cholesterol levels. For people of Asian descent, the recommended waist measurement is under 80cm for women and under 90cm for men.

DR A. SOORIAN
Seremban